



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN NOR AZMAH BINTI ABD AZIZ

ALUMNI FAKULTI SAINS PERPUSTAKAAN

MENGENAI PENGALAMAN DAN KERJAYA BELIAU SEBAGAI

ALUMNI DALAM BIDANG SAINS PERPUSTAKAAN

DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM)

NURUL AMIZA BINTI HASDEY

(2018298738)

KHAIRUN NAWWAR BINTI HAIRUDIN

(2018401478)

SEMESTER SEPTEMBER 2020-JANUARI 2021

ISI KANDUNGAN

Nombor Roman	Isi Kandungan	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	3
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	4-8
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	9-12
5.0	Transkrip Tembual Bersama Tokoh	13-101
6.0	Log Temubual	102-127
7.0	Ralat	128

ABSTRACT

Kajian yang dijalankan dalam sejarah lisan ini adalah melibatkan seorang tokoh yang berwibawa. Tujuan sejarah lisan dijalankan adalah untuk pengkaji mengetahui serba sedikit tentang latar belakang tokoh yang dipilih serta mengumpul maklumat tentang sejarah dan pengalaman kehidupan beliau. Tokoh yang pengkaji pilih adalah seorang alumni ITM pada tahun 1973 hingga 1976 yang mengambil kursus Sains Perpustakaan. Beliau ialah Puan Nor Azmah binti Abd Aziz yang merupakan anak jati Kajang, Selangor. Beliau juga merupakan seorang bekas pesara pustakawan di Perpustakaan Negara. Secara keseluruhannya hasil daripada perkongsian tokoh tersebut dalam kajian ini, pengkaji dapat mengetahui tentang latar belakang, sejarah pendidikan dan pelbagai pengalaman yang telah dilalui oleh beliau semasa menuntut di ITM mahupun dalam bidang kerjayanya. Implikasi kajian ini adalah kepada pengkaji dan pelajar. Melalui kajian sejarah lisan ini juga, diharap para pelajar terus gigih dan tekun dalam menimba ilmu demi mencapai kejayaan di masa depan.

Kata kunci: *Alumni, ITM, Sains Perpustakaan, Pustakawan, Sejarah lisan*

The study conducted in this oral history involves an authoritative figure. The purpose of oral history is for the researcher to know a little about the background of the selected figure as well as to gather information about his history and life experiences. The figure chosen by the researcher was an ITM alumni from 1973 to 1976 who took the Library Science course. He is Puan Nor Azmah binti Abd Aziz who is a native of Kajang, Selangor. He is also a former retired librarian at the National Library. Overall as a result of the sharing of the figure in this study, the researcher can find out about the background, history of education and various experiences that he has gone through while studying at ITM as well as in his career field. The implications of this study are to researchers and students. Through this study of oral history as well, it is hoped that students continue to persevere and persevere in gaining knowledge in order to achieve success in the future.

Keywords: *Alumni, ITM, Library Science, Librarian, Oral History*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kami berterima kasih kepada Allah S.W.T atas penyelesaian dokumentasi sejarah lisan ini sebagai salah satu syarat yang perlu dipenuhi dalam penilaian subjek untuk kod IMR604.

Dalam menjayakan penulisan ini dengan jayanya, terdapat ramai insan yang baik telah memberi kerjasama dengan baik dan menyokong kami sepenuhnya. Oleh itu, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak kepada semua orang yang prihatin untuk membantu kami menjayakan penulisan ini pada masa yang ditetapkan.

Kami sebagai pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami yang mengajar subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin dengan bimbingannya sangat berguna justeru banyak membantu kami dalam menyelesaikan penulisan ini. Cadangan dan arahan beliau telah berfungsi sebagai penyumbang utama dalam menyelesaikan projek ini. Beliau juga telah memberikan kami layanan yang baik dengan memberikan maklumat yang berguna dan sokongan penuh dalam menjayakan penulisan ini.

Seterusnya, kami sebagai pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan kami yang telah membantu kami menjayakan projek ini. Mereka sangat membantu dalam pelbagai fasa penyiapan untuk penulisan sejarah lisan ini. Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat dan menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada penulisan ini.

Kami sebagai pengkaji juga sangat berterima kasih kepada tokoh kami iaitu Puan Nor Azmah Binti Abd Aziz yang telah dipilih oleh kami menjadi tokoh alumni untuk penulisan sejarah lisan kami ini. Atas usaha dan kerjasama yang diberikan oleh beliau, ia memberi impak yang positif untuk menyelesaikan tugas ini dengan jayanya. Beliau juga menunjukkan usaha dan inisiatif yang baik dalam memberi maklumat yang amat berguna sehingga kami berjaya menyelesaikan sejarah lisan dengan mudah dan jayanya

SENARAI ABREVIASI

Senarai	Abreviasi
ALA	American Library Associated
CCTV	Closed-circuit television
CTO	Chief Technology Officer
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
HSC	Higher School Certificate
IKM	Institut Kemahiran Mara
ICMA	Institute of Certified Management Accountants
ISO	International Organization for Standardization
ITM	Institut Teknologi Mara
ITNM	Institut Terjemahan Negara Malaysia
KPTM	Kolej Poly-Tech Mara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAS	Malaysia Airlines
MCE	Malaysia Certificate of Education
MSA	Malaysia Singapore Airlines
NCWO	National Council of Women's Organisations, Malaysia
NGO	Non-governmental organization
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PHd	Doktor Falsafah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan